

## Kempen CNY BancaTakaful i-Saver20 Dan i-Saver20 Plus

Telah dikemaskini pada: (18/12/2019)

### TEMPOH KEMPEN

Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) ("HLISB") "**Kempen CNY BancaTakaful i-Saver20 Dan i-Saver20 Plus**" ("**Kempen**") bermula pada 8 Januari 2020 dan berakhir pada 28 Februari 2020, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai saiz dana yang disasarkan, mengikut mana-mana yang terdahulu ("Tempoh Kempen"), melainkan diberitahu sebaliknya.

Kempen ini terbuka kepada permohonan (seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1) yang dikemukakan semasa Tempoh Kempen di mana pelanggan mestilah membayar sumbangan dalam tempoh 45 hari kalendar selepas Tempoh Kempen berakhir.

### **Terma-Terma dan Syarat-Syarat ("T&S")**

#### KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") atau Hong Leong Bank Berhad ("HLBB") yang baru dan sedia ada termasuklah warganegara Malaysia dan penduduk Tetap Malaysia ("Pelanggan"), dalam Tempoh Kempen, yang melanggan Produk Bancatakal Sumbangan Umum seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan dengan minimum Sumbangan Tahunan Ringgit Malaysia Enam Ribu (RM6,000) ("Pelanggan yang Layak").
2. Produk-produk Bancatakal Sumbangan Umum yang menyertai Kempen ini adalah i-Saver20 dan i-Saver20 Plus (secara kolektif dirujuk sebagai "Produk-produk" dan secara individu dirujuk sebagai "Produk") yang dijamin oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLMT").
3. Pelanggan yang Layak yang telah melakukan dan / atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan atau salah laku dengan Produk dan / atau mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLISB atau HLB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen sama ada HLISB / HLB, mana-mana bank atau pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang tindakan muflis pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen adalah TIDAK layak menyertai Kempen ini.

#### KAEDAH KEMPEN

4. Pelanggan yang Layak yang melanggan Produk yang berkaitan semasa Tempoh Kempen akan diberikan Hadiah Pelanggan ("Hadiah") berikut.

#### Jadual 1

Produk	Hadiah	Sumbangan Tahunan Tahun Pertama	Unit	Kelayakan
i-Saver 20 i-Saver 20 plus	"Honor Band 4 Running Edition"	Min RM 6,000 setiap permohonan	1	200 pelanggan layak yang pertama

5. Bagi mengelak sebarang keraguan, Kempen ini adalah berdasarkan **kepada siapa cepat dia dapat dan / atau tertakluk kepada stok yang sedia ada.**
6. Hadiah yang diterima oleh Pelanggan yang Layak adalah dianggap dalam keadaan yang baik melainkan Bank diberitahu mengenai sebarang kecacatan dalam tempoh dua (2) hari bekerja setelah menerima Hadiah.
7. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit, cek atau dalam bentuk apa pun.
8. Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak mendapat satu (1) Hadiah bagi setiap permohonan tanpa mengira bilangan Produk yang dilanggan sepanjang Tempoh Kempen.

9. Sekiranya HLISB mendapati bahawa Pelanggan yang Layak tidak memenuhi mana-mana T&S Kempen ini, maka HLISB mempunyai hak untuk menarik balik Hadiah tersebut.
10. Kempen ini TIDAK sah pada kempen / promosi lain yang ditawarkan oleh HLISB berkenaan dengan Produk di Jadual 1 di atas, dari semasa ke semasa.

#### UMUM

11. Dengan menyertai kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju:
  - (i) untuk terikat dengan T&S;
  - (ii) Kesemua keputusan HLISB berkaitan dengan kempen ini adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas semua Pelanggan dan adalah kewajipan Bank untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan kerana tidak mematuhi Terma & Syarat Kempen di sini. ;
  - (iii) bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, bayaran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah perundangan yang berkaitan, jika, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen itu.
  - (iv) tawaran tidak boleh ditukar dengan wang tunai, cek, atau lain-lain pertukaran dan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga. Tawaran tidak boleh digunakan bersempena dengan apa-apa diskaun, keistimewaan dan promosi lain melainkan dinyatakan sebaliknya.
12. HLISB berhak:
  - (i) untuk menghentikan Kempen jika terdapat keraguan pada Pelanggan yang Layak atau tamatkan Kempen bila-bila masa atau tidak mematuhi Terma dan Syarat;
  - (ii) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma & Syarat yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, mengikut cara HLISB menyiarkan di Laman Web HLISB atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB setelah memberi notis dua puluh satu (21) hari;
  - (iii) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan kerana tidak mematuhi T&S mengikut budi bicara yang dianggap wajar dalam kempen ini.
13. T & S akan ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju dengan bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

#### **PENAFIAN TAKAFUL**

Dokumen ini tidak dijadikan jemputan atau tawaran untuk penyertaan Takaful dan bukan permintaan daripada HLISB untuk langganan Takaful kepada sesiapa sahaja. Pelanggan dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan brosur/kontrak polisi produk sebelum mendaftar.

#### **NOTA PENTING :**

Pelan di atas ditaja jamin oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad (HLMT). HLMT adalah Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia. HLMT adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang diinsuranskan di bawah sijil Takaful yang ditawarkan oleh HLMT dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau semua faedah Takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kecelakaan ahli penginsurans. Untuk butiran lanjut tentang had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari HLMT atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).